

Pasukan debat UMS mara ke pusingan akhir

UB 5.03.20 15

KOTA KINABALU:

Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menghantar seramai enam pelajar melalui pasukan UMS A, B dan C yang juga wakil pasukan Debat UMS di dalam pertandingan Debat Terbuka Kemanusiaan (DE-TAK) 2020 sehingga berjaya mara ke pusingan akhir.

Pertandingan DE-TAK 2020 ini berlangsung selama empat hari iaitu bermula 21 hingga 24 Februari di Arena Gemilang, DeTAR Putra Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Sebanyak 32 pasukan daripada 18 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Empat IPTA berjaya mara ke pertandingan akhir pada malam pertandingan akhir dan Majlis Penutupan DE-TAK 2020 iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Shah Alam dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Malam pertandingan akhir DE-TAK 2020 ini disempurnakan oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak Datuk Amar Haji Mohamad Asfia Awang Nassar.

Turut hadir pada malam itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Dr. Kamarudin Kana, pegawai-pegawai UNIMAS serta mahasiswa UNIMAS.

Pasukan Debat UMS A




MASUK AKHIR: Pasukan A Debat UMS yang berjaya ke peringkat akhir.

iaitu Mohd Najmie adalah pelajar tahun 4, Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) dan Fatehah pelajar tahun 2, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) berjaya menembusi ke pusingan akhir.

Keputusan akhir bagi pertandingan DE-TAK 2020, UMS memenangi tempat keempat dan diikuti tempat ketiga UiTM Shah Alam serta naib johan dan johan masing-masing diikuti UTP dan UTM.

Penganjuran ini dilaksanakan oleh Kelab De'Orator UNIMAS yang juga salah satu kelab pengucapan awam mahasiswa UNIMAS dengan kerjasama daripada Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM), Islamic Relief Malaysia (IRM) dan Syarikat Incredible Heart Pt.



MANTAP: Pasukan A debat UMS.